

# Keunikan Istiadat Pertabalan Sultan Perak

Dalam *Taj Us Salatin* (*Mahkota Segala Raja-raja*), iaitu sebuah karya kesusasteraan Melayu tradisional yang dikarang di Aceh hampir 400 tahun dahulu, ada diperihalkan mengenai sifat seseorang raja yang berbudi. Yang berikut merupakan satu daripada sifat tersebut:

*"Tanda yang kelima sentiasa menyebut nama Allah Subhanahu wa Ta'ala dan memohonkan ampun akan salahnya dan mengingatkan maut dan kubur itu jua."*

Dalam tradisi kesultanan Perak, istiadat menziarahi makam diraja merupakan satu daripada istiadat pertabalan sultannya. Istiadat tersebut bukan sahaja menjadi pelengkap kepada adat pertabalan, malah secara tersiratnya, menzahirkan sifat raja yang berbudi, seperti yang telah dinukilkan oleh Bukhari al-Jauhari dalam *Taj Us Salatin*.

Menurut Dato' Dr. Muhammad Afifi al-Akiti, Orang Kaya-kaya

Imam Paduka Tuan, yang juga merupakan Felo Pusat Pengajian Islam Universiti Oxford, selain mendoakan kesejahteraan roh sultan terdahulu, istiadat tersebut juga "menyurat" peringatan kepada sultan yang baru dilantik bahawa pada suatu hari nanti, sultan itu juga akan menemui Maha Pencipta dan membawa bekalan amalan sepanjang kehidupannya. Oleh itu, sepanjang tempoh

pemerintahannya, sultan tersebut haruslah berlaku adil dan menyayangi rakyat jelata, serta yang tidak kurang penting juga, baginda perlu sentiasa mengingati kematian, seperti layaknya seorang raja yang "berbudi".

Sejak Sultan Muzaffar Shah mangkat pada tahun 1540 dan dimakamkan di Lambor Kanan, jenazah 29 orang sultan telah dimakamkan di Perak, kecuali empat orang, iaitu Sultan

Mukaddam Shah, sultan Perak keenam (makam terletak di Aceh, Indonesia), Sultan Mansur Shah II, sultan Perak ketujuh (makam pun terletak di Aceh), Sultan Sallehuddin, sultan Perak kelapan (makam terletak di Kampar, Indonesia) dan Sultan Ismail Mu'abiddin Riayat Shah, sultan Perak ke-25 (makam terletak di Skudai, Johor).

Istiadat menziarahi makam bermula di Makam Tok Temong yang terletak di Kampung Temong, Kuala Kangsar. Sebahagian besar daripada masyarakat negara ini, barangkali, tidak mengetahui bahawa Tok Temong sebenarnya perempuan dan menjadi watak penting di sebalik penyerahan pemerintahan negeri Perak kepada Sultan Muzaffar Shah, putera Sultan Mahmud Shah dari Melaka.

Tok Temong merupakan adik Tun Saban, yang meninggalkan Kampar di Sumatera untuk kembali ke tempat asalnya. Tun Saban menjadi ketua di Belum dan seterusnya mengangkat seorang daripada adik perempuannya yang bernama Tun Perabu sebagai ketua di Temong. Tun Perabu diberi gelaran Tok Temong. Gelaran Tok Temong mengambil sempena nama tempat tersebut.

Ketika Tun Saban sampai di Perak, negeri tersebut belum beraja lagi. Maka Tun Saban bersama-sama Nakhoda Kassim berangkat ke Kampar untuk menghadap Sultan Mahmud Shah. Mereka memohon supaya seorang putera baginda menjadi sultan Perak. Yang menariknya, Tok Temong perempuan. Hal ini menunjukkan bahawa

Perak mempunyai tradisi persejarahan kesultanan yang unik, istimewa, serta berbeza daripada negeri lain kerana mempunyai seorang pemerintah wanita pada abad ke-16. Menurut M.A Fawzi Basri dalam bukunya *Cempaka Sari: Sejarah Kesultanan Negeri Perak*, Tok Temong juga telah menghadiahkan tangkal azimat yang bernama Geliga Embun kepada baginda yang hingga kini menjadi satu daripada alat kebesaran kesultanan Perak.

Selain makam Tok Temong, sultan turut menziarahi makam Raja Bendahara Alang Iskandar. Raja Bendahara Alang Iskandar bukanlah sultan, tetapi raja bergelar. Raja Alang Iskandar merupakan putera Raja Kecil Tengah Ahmad ibni Almarhum Sultan



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menjirus air mawar di pusara Tok Temong.

Government - Monarchy in Malaysia

Pg: 28-31

0000274519  
 Gov 2015/AC2



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah mengaminkan doa ketika menziarahi makam Tok Temong.

Yang menariknya, Tok Temong perempuan. Hal ini menunjukkan bahawa Perak mempunyai tradisi persejarahan kesultanan yang unik, istimewa, serta berbeza daripada negeri lain kerana mempunyai seorang pemerintah wanita pada abad ke-16.

Abdul Malik Mansur Shah, Raja Alang Iskandar dilantik menjadi bendahara Perak ketika kakanda baginda, Raja Ngah Jaafar, diangkat menjadi Sultan Ja'afar Muazzam Shah (1857-1865). Apabila Raja Alang Iskandar mangkat, jawatan bendahara disandang oleh Raja Ismail Saiyed Syeikh Al-Khairat, raja Saiy.

Setelah kemangkatannya, Raja Bendahara Alang Iskandar diberi gelaran Almarhum Teja. Makam Almarhum Teja terletak di Kuala Teja, kira-kira tiga kilometer ke selatan pekan kecil Kota Bharu.

Raja Bendahara Alang Iskandar berperanan penting dalam pertumbuhan ekonomi Perak pada ketika itu kerana ditugaskan mengutip cukai terhadap segala barang perdagangan yang masuk dan keluar di Kuala Sungai Kinta.

Tok Temong dan Raja Bendahara Alang Iskandar bukanlah sultan, tetapi mereka memainkan peranan penting dalam sejarah kesultanan Perak. Oleh hal yang demikian, sebagai tanda hormat, setiap sultan baharu akan menziarahi makam mereka apabila dilantik menyandang jawatan tersebut. ☑

### **Istiadat Pertabalan Sultan Perak Darul Ridzuan**

Semua sultan baharu akan melalui tujuh peringkat istiadat pertabalan. Istiadat pertabalan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berlangsung dari 3 Mei hingga 16 Mei 2015.

### **Istiadat Meletak Kerja**

Istiadat Meletak Kerja diadakan di kawasan Panca Persada Istana Iskandariah. Istiadat ini diadakan untuk memohon doa semoga semua urusan pertabalan mendapat perlindungan dan rahmat daripada Allah.

### **Istiadat Tabal Adat**

Upacara pertabalan sultan mengikut adat resam yang diwarisi turun-temurun dilangsungkan di Balairung Seri, Istana Iskandariah, dengan disaksikan oleh wakil raja pemerintah setiap negeri di Malaysia dan Yang di-Pertua Negeri bagi negeri yang tidak beraja, wakil Negara Brunei Darussalam, wakil perwakilan asing, kerabat dan keluarga diraja, serta pembesar negara dan negeri. Raja Permaisuri turut ditabalkan dalam istiadat Tabal Adat.

### **Istiadat Mengambil Air Bersiram Tabal Di Tujuh Kuala Sungai Perak**

Istiadat Mengambil Air Bersiram Tabal di tujuh kuala Sungai Perak dilakukan sehari selepas istiadat Tabal Adat. Perarakan kenderaan untuk mengambil air didahului kenderaan pasukan nobat diraja, diikuti para panglima, Toh Seri Nara Diraja, dan Raja Cik Muda bersama-sama tujuh orang pembantu. Bentara membawa perkakas istiadat dan 16 Jawat

Berlembing. Perjalanan kenderaan bermula dari Istana Iskandariah menuju ke tebing Sungai Perak dengan iringan paluan nobat.

### **Istiadat Tabal Pusaka**

Istiadat Tabal Pusaka mengandungi pelbagai komponen, bermula dengan istiadat Memasak Tiang Seri Panca Persada beberapa minggu sebelum bermulanya istiadat Tabal Adat. Sehari selepas istiadat Tabal Adat, istiadat Mengambil Air Bersiram Tabal di tujuh kuala Sungai Perak dilakukan pada sebelah pagi. Pada sebelah malam, berlangsung istiadat Pemulihan Perkakas Kerajaan, istiadat Bersiram Tabal dan istiadat Santapan Nasi Berastakona.

### **Istiadat Menziarahi Makam Diraja**

Istiadat Menziarahi Makam Diraja bermula dengan menziarahi makam Tok Temong di Kuala Kangsar, diikuti makam sultan terdahulu yang banyak terletak di tebing Sungai Perak. Sultan dan Raja Perempuan atau Raja Permaisuri, diiringi oleh Orang Besar Negeri, akan berangkat melalui jalan darat dan air. Perjalanan air menggunakan bot khas yang dikenali sebagai Balai Gambang, bermula dari Pasir Salak menghilir sepanjang Sungai Perak sehingga Teluk Intan.

### **Istiadat Mencecah Kaki di Beting Beras Basah**

Berdasarkan sejarah, sultan Perak yang pertama mula-mula menjejakkan kaki di Beting Beras Basah. Peristiwa ini kemudiannya menjadi tradisi bagi setiap sultan yang ditabalkan untuk berangkat

kembali ke tapak asal ini dan melakukan istiadat mencecahkan kaki di Beting Beras Basah.

### **Istiadat Menutup Kerja**

Istiadat Menutup Kerja merupakan majlis kesyukuran ke hadirat Allah. Majlis ini diadakan di Istana Iskandariah setelah segala istiadat dan upacara pertabalan selamat disempurnakan.

